

TK/TM/TU/TH4172 SPESIFIKASI KEPERLUAN (D2)

PENGENALAN

Terangkan bagaimana penyelesaian yang dicadang sesuai dengan keseluruhan objektif strategik atau bisnes bagi sesebuah organisasi/komuniti (iaitu bagaimana ia akan berfungsi dengan sistem atau persekitaran lain) atau sesuai dengan masalah yang dikenalpasti, berdasarkan pendekatan bidang program masing-masing (contohnya kecerdasan buatan, rangkaian, sains maklumat, sistem multimedia dan lain-lain).

DEFINISI KEPERLUAN PENGGUNA

Huraikan perkhidmatan yang disediakan untuk pengguna (keperluan fungsian pengguna) dengan menggunakan bahasa yang jelas dan mudah difahami oleh pengguna.

SPESIFIKASI KEPERLUAN SISTEM*

- Nyatakan keperluan fungsian sistem untuk setiap keperluan fungsian pengguna.
- Nyatakan keperluan bukan fungsian (kualiti) dan keperluan domain.
- Tentukan keperluan perkakasan dan perisian semasa pembangunan (untuk pembangun membina produk) dan penggunaan (untuk pengguna menggunakan produk).
- Bagi projek dalam bidang rangkaian, nyatakan keperluan sistem menerusi OSI model untuk menyatakan protokol yang terlibat dalam komunikasi rangkaian, atau nyatakan keperluan keselamatan siber yang terdapat dalam sistem yang dibangunkan.

MODEL SISTEM*

Pilih salah SATU dari dua pendekatan berikut: 1) Pendekatan berorientasikan objek ATAU 2) analisis berstruktur; JANGAN gabungkan kedua-duanya.

Pendekatan berorientasikan objek:

- Rajah kes guna dan spesifikasi kes guna untuk menerangkan keperluan fungsian sistem.
- Rajah jujukan untuk menunjukkan jujukan interaksi antara pengguna dan sistem.
- Rajah aktiviti atau carta alir untuk menunjukkan langkah-langkah proses mengikut turutan.
- Bagi projek dalam bidang rangkaian, rajah komunikasi data menerusi OSI model.

ATAU

Pendekatan analisis berstruktur:

- Rajah konteks untuk menunjukkan skop dan sempadan sistem.
- Rajah aliran data untuk menunjukkan peringkat perincian proses (sekurang-kurangnya sehingga paras ke-2).
- Carta alir untuk menunjukkan langkah-langkah proses mengikut turutan.

KESIMPULAN

- Beri ringkasan kandungan D2.

Nota:

* Ini merupakan panduan, ia mungkin tidak sesuai dengan projek anda. Anda diminta untuk berbincang dengan penyelia atau Ketua Program untuk menghasilkan spesifikasi dan model sistem yang tepat.

RUJUKAN

- Senaraikan sumber maklumat yang menyokong cadangan (iaitu buku, keratan akhbar, kertas persidangan dan artikel jurnal, portal web dan lain-lain).
- Gunakan format rujukan Gaya UKM.

LAMPIRAN

- Terangkan secara ringkas kaedah pemilihan data bagi keperluan produk (siapa, bila, apa, mengapa, bagaimana). Sertakan beberapa bukti (contoh soalan/skrip temu bual, soal selidik tinjauan, foto sebagai bukti pemerhatian dan lain-lain).
- Terangkan secara ringkas proses pengesahan keperluan (seperti ujian, ulasan/*walkthrough*, prototaip).

SERAHAN:

- Hantar salinan keras dan/atau lembut kepada penyelia.
- Muat naik salinan lembut ke SPID.